



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)**

**KERAJAAN BERUSAHA MENANGANI  
PENCEROBOHAN NELAYAN ASING  
KE PERAIRAN MALAYSIA**

1. Penyelarasan penguatkuasaan maritim diketuai oleh **APMM & disokong oleh DOF dan Pasukan Polis Marin**. Penguatkuasaan terhadap pencerobohan kapal asing dijalankan oleh APMM manakala penguatkuasaan bagi kes tempatan yang biasanya melibatkan nelayan tradisional, dikendalikan oleh DOF dan Polis Marin
2. Dari tahun 2004 hingga April 2017, sebanyak **1,162 kes tangkapan bot asing** dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak **RM81.3 juta** telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan negara. DOF mencatatkan sebanyak 145 kes tangkapan bot asing dalam tempoh tersebut.
3. Selain itu juga sebanyak **7,634 kru nelayan bot asing** telah ditahan dalam tempoh 2006 hingga Februari 2017 dari pelbagai negara seperti Indonesia, Vietnam, Thailand dan sebagainya.
4. Peningkatan kes-kes tangkapan nelayan asing juga dibantu dengan penglibatan komuniti Sukarelawan Perikanan (SUPER). **SUPER berperanan besar sebagai mata dan telinga** Jabatan dalam melaporkan aktiviti-aktiviti seperti pencerobohan bot asing.

SUPER juga dilengkapi dengan rangkaian peralatan seperti GPS serta walkie talkie serta radio nelayan dalam melaporkan sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.

5. Bagi negeri **Terengganu**, pasukan penguatkuasaan maritim telah berjaya menangkap sebanyak **30 bot nelayan asing dari tahun 2014 hingga 2016**. Ini membuktikan bahawa matlamat utama agensi-agensi penguatkuasaan maritim negara adalah memerangi aktiviti penangkapan ikan secara haram di negara ini bagi memastikan sumber stok ikan mampan di samping mencegah konflik dalaman di kalangan nelayan tempatan.
6. Selain itu, untuk menjaga keselamatan nelayan dari ancaman asing, sebanyak 2,630 unit AIS dibekalkan oleh Kerajaan kepada nelayan vesel pukat tunda Zon B bukan sahaja membantu pengusaha memantau sendiri operasi malah ia juga dilengkapi dengan *button alert* yang boleh digunakan oleh nelayan sekiranya berada di dalam keadaan kecemasan. Sehingga kini 286 unit telah dipasang ke atas vesel pukat tunda Zon B di Perlis, Kedah dan Terengganu.
7. DOF ingin menyeru kepada orang ramai khasnya para nelayan agar menyalurkan maklumat-maklumat secara bertulis atau bergambar mengenai kegiatan yang menyalahi Akta Perikanan 1985 secara telefon atau SMS hotline **FISHCOM** di talian **03-8880 5019** atau melaporkan kepada Pejabat Perikanan Daerah yang berhampiran bagi tindakan susulan.

**DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perikanan Malaysia

13 Mei 2017 (Sabtu) jam 2.30 petang